

Soalan Objektif

1.1 Kemahiran Proses Sains


1. Berikut merupakan satu pernyataan.

Semakin tinggi suhu, semakin cepat gula melarut di dalam air.

Apakah kemahiran proses sains yang terlibat berdasarkan pernyataan tersebut?

- A Memerhati
- B Mentafsir data
- C Meramal
- D Membuat hipotesis

2. Rajah 1 menunjukkan dua buah bikar, M dan N yang mengandungi isi padu air yang sama tetapi suhu yang berbeza apabila dipanaskan selama 5 minit.




Rajah 1

Apakah yang akan berlaku jika pemanasan diteruskan selama 10 minit lagi?

- A Air di dalam bikar N akan mendidih lebih cepat berbanding air di dalam bikar M.
- B Air di dalam bikar M akan mendidih lebih cepat berbanding dengan air di dalam bikar N.
- C Air di dalam kedua-dua bikar akan mendidih pada masa yang sama.
- D Suhu air kekal tidak berubah.

3. Rajah 2 menunjukkan pengelasan bahan berdasarkan sumber tumbuhan dan sumber haiwan.



Rajah 2

Antara yang berikut, yang manakah dikelaskan dengan betul?

	P	Q
A	Cermin mata	Buku
B	Buku	Cermin mata
C	Tayar	Jaket kulit
D	Jaket kulit	Tayar

4. Rajah 3 menunjukkan seorang budak lelaki menarik tangannya selepas menyentuh pokok kaktus.



Rajah 3

Apakah deria yang terlibat dalam pemerhatian tersebut?

- A Kulit
- B Lidah
- C Telinga
- D Hidung

5. Rajah 4 menunjukkan suatu penyiasatan.



Rajah 4

Tikus itu mati selepas dua hari. Apakah inferens yang boleh dibuat daripada penyiasatan ini?

- A Tikus mati kerana kurang air.
- B Tikus mati kerana kurang makanan.
- C Tikus mati kerana kurang udara.
- D Tikus mati kerana racun serangga.

6. Jadual 2 menunjukkan suhu bagi tiga buah bikar yang berisi air.

Bikar	Suhu (°C)
J	56
K	36
L	86

Jadual 2





Susun mengikut urutan daripada panas kepada sejuk.

- A L, J, K
- B J, K, L
- C K, J, L
- D J, L, K

7. Maklumat di bawah adalah satu pemerhatian yang dibuat ke atas empat orang murid dalam perlumbaan larian 100 meter.

- Ali berlari lebih laju daripada David.
- Abu berlari lebih laju daripada Ali.
- Chong berlari lebih laju daripada David dan Abu.

Carta palang manakah yang mewakili maklumat di atas?



8. Pernyataan di bawah menunjukkan satu tujuan penyiasatan.

Menyiasat hubungan antara jisim bola dengan ketinggian lantunan

Apakah pemboleh ubah dimanipulasi dalam penyiasatan ini?

- A Jisim bola
- B Saiz bola
- C Ketinggian lantunan
- D Tempoh masa bola melantun

9. Maklumat yang berikut menunjukkan satu pemerhatian.

Pelangi mempunyai tujuh warna iaitu merah, jingga, kuning, hijau, biru, ungu dan indigo.

Apakah deria yang digunakan dalam pemerhatian itu?

- A Lidah
- B Kulit
- C Telinga
- D Mata



UNIT
1

KEMAHIRAN SAINTIFIK

Tema: Inkuiri dalam Sains

KERTAS 1

OBJEKTIF

Bulatkan jawapan yang betul.


- 1 Maklumat yang berikut adalah berkaitan dengan pemerhatian seorang murid.

Roti itu harum dan manis

Manakah deria yang terlibat dalam pemerhatian tersebut?

- A Bau
- B Rasa
- C Bau dan rasa
- D Bau dan penglihatan


- 2 Rajah di bawah menunjukkan satu penyiasatan tentang jisim.



Apakah definisi secara operasi bagi jisim?

- A Isi padu jirim yang diukur melalui alat
- B Kuantiti jirim yang diukur melalui alat
- C Luas jirim yang memenuhi suatu tempat
- D Pepejal yang diukur

- 3 Rajah di bawah menunjukkan salah satu bentuk komunikasi tentang penyiasatan.



Apakah bentuk komunikasi yang ditunjukkan di atas?

- A Graf
- B Carta
- C Peta
- D Jadual

- 4 Adi menelungkupkan sebiji gelas kaca kosong di dalam sebuah bekas yang mengandungi air. Dia meletakkan bekas dan gelas itu di bawah cahaya matahari. Ramalkan perkara yang akan berlaku selepas 1 jam.

- A Gelas kaca itu pecah
- B Titis-titis air terbentuk di dinding luar gelas kaca
- C Air di dalam gelas bertukar menjadi ais
- D Titis-titis air terbentuk di bahagian dalam gelas kaca

- 5 Arif membuat beberapa larian 100 meter dalam masa-masa yang berlainan dan merekodkan masa bagi setiap larian itu. Dia mengambil masa 20 minit untuk berehat di antara setiap larian.

Antara berikut, yang manakah pembolehubah yang dimanipulasikan dalam penyiasatan itu?

- A Pelari
- B Jarak larian
- C Masa larian
- D Masa cepat